

Tak wajar mansuh AUKU 1971

PM mahu teliti semula, pinda beberapa peruntukan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui tidak wajar untuk memansuhkan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 selepas mempertimbangkan beberapa peruntukan yang masih relevan dan penting.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan kesediaan untuk meminda beberapa peruntukan mengikut akta berkenaan, namun tidak memperincikan seksyen khusus dalam AUKU 1971 yang mahu diteliti semula.

“Seperti dibangkitkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, mari kita berunding (dan) pinda beberapa peruntukan (dalam AUKU 1971) yang perlu diperjelaskan,” katanya pada sesi dialog bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) sempena lawatan rasminya ke institusi pengajian tinggi itu di sini, semalam.

Selain Mohamed Khaled, turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor.

Mengulas Jelajah Mansuh AU-



Anwar bersalaman dengan pelajar selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

KU, Anwar berkata, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman wajar mengemukakan permohonan untuk mengadakan program berkenaan di premis ditetapkan penganjur.

“Saya terbuka untuk dengar (pihak penganjur), tetapi kena ikut peraturan. Kita tak fikir mahu sekat (penganjuran) melainkan ada sikap yang membawa kepada permusuhan kaum dan agama.

“Kita mahu jaga keselamatan negara. Kelonggaran tidak bermakna orang boleh terus masuk (tanpa kebenaran). Kena maklumkan kepada tuan rumah.

“Kita perlu pastikan tidak terlalu mengawal atau, tetapi (penganjuran) mesti dimaklumkan. Pastikan tiada musuh yang boleh merosakkan suasana harmoni dalam kampus,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, tanggungjawab ma-

hasiswa bukan hanya membina kerjaya dan keluarga, sebaliknya turut membangunkan tamadun berteraskan nilai, akhlak, ilmu dan adab secara keseluruhan.

Anjakan paradigma

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, golongan mahasiswa juga perlu menjadi penganjur bagi anjakan paradigma baharu untuk menangkis idealisme kuasa, kedudukan, ilmu serta profesionalisme sebagai keistimewaan bagi sesetengah pihak.

Katanya, idealisme itu, perlu diubah kepada keperluan kepada kuasa, kedudukan, ilmu serta profesionalisme untuk membina akhlak, nilai dan adab.

“Saya mohon kerjasama semua dan anak, fanamkan *struggle of conscience*. Tamadun tidak hanya dibangunkan dengan semangat, ilmu atau kemahiran, tetapi melalui keseluruhan iltizam untuk

mengangkat martabat insan itu sendiri, termasuk dalam bidang keilmuan teknologi dan sebagainya,” katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan pihaknya tidak menentang tindakan mahasiswa mahu menyuarakan pandangan atau bantahan terhadap kerajaan, sebaliknya perlu dibuat secara berfakta serta tidak melampaui batas.

Beliau turut mengingatkan mahasiswa tidak menjadi ‘macai’ dan ‘walaun’ yang menghentam kerajaan secara semberono.

“Kalau ada (mahasiswa) yang nak bantah, saya tak ada masalah, menteri juga beri kebebasan untuk bersuara.

“Namun, kalau keterlaluan, kita kena tegur sebab ada hadnya. Janganlah kalau tak setuju, tuduh kita macam-macam sampai kata masuk neraka

“Ada kata kerajaan zalim sebab anak tirikan negeri pembangkang dan tidak beri dana, sedangkan kita tambah peruntukan di semua negeri. Nak kritik, biarlah berdasarkan pengetahuan dan fakta,” katanya.

Anwar turut menafikan dakwaan, operasi UiTM akan ditutup, sekiranya beliau diangkat menerajui pentadbiran negara.

“Ada pihak percaya tuduhan ini padahal sejarah saya (jadi) pemimpin mahasiswa dulu, (saya) antara yang paling keras memperjuangkan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menuntut Institut Teknologi MARA dinaik taraf kepada UiTM.

“Kita konsisten dalam bab ini dan (penutupan UiTM) tak pernah dibangkitkan, malah kerajaan sekarang tak tinggalkan aspek ini,” katanya.